

# UPM tarik 3,000 pelajar asing

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) menyasarkan kemasukan kira-kira 3,000 penuntut asing pasca siswazah daripada jumlah keseluruhan penuntutnya yang dijangka mencapai 26,000 orang menjelang 2010.

Naib Canselornya, Professor Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, pada masa yang sama, UPM juga mahu mengambil lebih 1,000 pelajar asing bagi mengikuti pengajian ijazah pertama.

Bidang pengajian yang dianggap sesuai untuk mereka ialah teknologi makanan, veterinar, bioteknologi, perhutanan dan pertanian.

UPM katanya, serius da-

lam memenuhi sasaran itu dan ini terbukti apabila mereka telah mengadakan pertemuan dengan 52 diplomat asing bagi memperkenalkan universiti tersebut pada Kamis lalu.

"Ia juga bertepatan dengan matlamat kami untuk 'mengantarabangsakan' UPM sebagai pusat pengajian tinggi bertaraf antarabangsa," ujar beliau.

Para diplomat yang ditemui itu termasuk Duta Denmark ke Malaysia, Borge Petersen; Pesuruhjaya Tinggi Australia, James Wise; Duta Korea, Kim Won Ho dan Pesuruhjaya Tinggi Kenya, David Gachoki Njoka.

UPM kini mempunyai 2,400 orang kakitangan akademik termasuk 900 pensyarah yang berkhidmat di 16 buah fakulti, 12 buah pusat kecemerlangan selain 15 kolej kediaman.

Nik Mustapha menjelaskan, pertemuan itu turut bertujuan mendapatkan peluang kerjasama dua hala bagi menjayakan program pertukaran pelajar dengan universiti-universiti antarabangsa.

Katanya, sehingga tahun ini, seramai 27 penuntut terlibat dalam program pertukaran pelajar di beberapa buah negara termasuk Australia, Jerman, Iran, Finland dan Jepun.